

17/02/1997

Pusat Islam tidak perlu pengintip

PUCHONG, Ahad - Kerajaan tidak bercadang menempatkan pengintip di pusat hiburan atau taman rekreasi dalam usaha menangani gejala sosial, sebaliknya meminta orang ramai melaporkan sebarang kegiatan buruk di tempat itu kepada pihak berkuasa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata walaupun gejala sosial di negara ini bertambah serius kerajaan tidak menganggap langkah mengintip atau mengendap itu wajar.

Beliau berkata, masalah itu secara dasarnya boleh dibendung jika ia ditangani bersama, apabila pihak yang mempunyai maklumat mengenai gejala tidak sihat melaporkannya kepada pihak berkenaan.

"Sekarang ini, apabila kita lihat orang hisap dadah, kita akan membiarkan saja dengan alasan mereka bukan ahli keluarga kita. Ini menyebabkan kegiatan ini berleluasa.

"Begitu juga dengan hal maksiat ini. Mesti ada penyampai maklumat. Pekerja di tempat yang banyak berlaku perkara tidak elok ini seperti hotel dan taman rekreasi boleh memaklumkan kepada kita jika mendapati berlaku kegiatan tidak sihat di tempat itu.

"Ini yang dinamakan masyarakat penyayang iaitu melaporkan perkara yang tidak betul kepada pihak berkuasa. Kita tahu kegiatan tidak sihat ini dan di mana ia dilakukan tetapi kalau tidak ambil tindakan, susahlah.

"Oleh itu, di mana perkara ini berlaku atau merebak, kita ambil tindakan," katanya kepada pemberita di majlis rumah terbukanya sempena Aidilfitri di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; serta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Dr Abdul Hamid berkata, orang ramai boleh melaporkan sebarang kegiatan tidak sihat itu melalui talian Hotline Pusat Islam, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) dan jabatan agama negeri yang beroperasi 24 jam.

"Kita mengalu-alukan orang ramai memberi maklumat kepada kita supaya tindakan boleh diambil. Penguatkuasa kita sememangnya aktif pada waktu malam," katanya.

Antara jabatan agama yang mempunyai hotline ialah Jabatan Agama Islam Johor (Jaij) 07-8003072; Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) 03-5590930; Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) 03-4428688; dan Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (Jaipp) 04-2612500.

Beliau berkata, kerajaan memandang serius gejala sosial yang menular dan beranggapan usaha menangani dan mencegahnya di peringkat awal iaitu peringkat sekolah rendah serta menengah adalah jalan terbaik menyelesaikan masalah itu.

"Perdana Menteri bersetuju dengan strategi ini iaitu kita mesti betul-betul menjaga kanak-kanak sekolah.

"Malah, melalui kerahan tenaga, kita minta lepasan sekolah menyambung semula kegiatan sekolah seperti kegiatan beruniform, mendidik kanak-kanak sekolah sehingga mereka mendapat kerja," katanya.

Diminta mengulas dakwaan Pas bahawa kononnya Kerajaan Pusat tidak bersungguh-sungguh menangani gejala sosial kerana tidak mengharamkan terus bahan seperti arak, beliau berkata:

"Pendekatan kerajaan ialah secara beransur-ansur dan harmoni. Pas minta kita haramkan terus arak dan pusat hiburan ini.

"Inilah yang kita buat sekarang tetapi secara perlahan-lahan.
"Sekarang ini, pusat hiburan kita hadkan sampai jam 12 tengah malam.
"Mungkin kemudian nanti kita akan pendekkan lagi masa operasinya,"
katanya.

(END)